

9 PANDUAN RINGKAS PESERTA



2.00PM, 9 JULY 2011

KUALA LUMPUR
TEMPAT BERHIMPUN:
SOGO
BANGUNAN DBKL
MASJID KAMPUNG BARU

1. Apa yang perlu anda buat apabila DIBERHENTIKAN polis?	<ul style="list-style-type: none"> ○ Minta beliau tunjukkan Kad Kuasa Polis (Jika Polis berpakaian awam) ○ CATIT NAMA DAN NOMBOR ANGGOTA yang tercatat dalam Kad Kuasa Polis ○ Jika beliau berpakaian seragam, catit nombor anggota pada pakaian seragam ○ Jika beliau berkenderaan, catit nombor pendaftaran kenderaan
2. Apa perlu anda buat jika diminta PENGENALAN DIRI ?	<ul style="list-style-type: none"> ○ Berikan nama, nombor kad pengenalan dan alamat sahaja ○ JANGAN SEKALI-KALI MENYERAHKAN KAD PENGENALAN anda kepada polis hanya TUNJUK SAHAJA ○ Jika polis paksa anda serahkan kad pengenalan, minta dikeluarkan Borang Pemeriksaan sebagai bukti kad pengenalan dirampas
3. BILAKAH anda di TAHAN ?	<ul style="list-style-type: none"> ○ Apabila anda dihalang beredara dari tempat tersebut ○ Apabila anda digari
4. Apa harus anda buat APABILA DITAHAN ?	<ul style="list-style-type: none"> ○ Jangan melawan dan jangan beri alasan kepada polis untuk gunakan kekerasan ○ Tanya apakah alasan anda ditahan ○ Tanya ke balai mana anda akan dibawa
5. Apakah hak anda SETELAH DITAHAN ?	<ul style="list-style-type: none"> ○ Anda BERHAK MEMBUAT PANGGILAN TELEFON kepada KELUARGA dan/atau PEGUAM dan maklumkan balai tempat anda dibawa, sebab tangkapan dan nama polis yang membuat tangkapan
6. BERAPA LAMA Polis BOLEH MENAHAN anda?	<ul style="list-style-type: none"> ○ Polis boleh menahan anda TIDAK MELEBIHI 24 JAM di balai atau lokap polis ○ Anda boleh ditahan melebihi 24 jam jika anda diberikan Perintah Reman oleh Mahkamah Majistret tertakluk kepada tempoh maksimum 7 (4+3) hari bagi kesalahan menghadiri perhimpunan 'Bersih 2.0'
7. Apakah yang perlu dibuat apabila anda dibawa ke hadapan MAJISTRET untuk mendapatkan PERINTAH REMAN ?	<ul style="list-style-type: none"> ○ BERITAHU POLIS/MAJISTRET bahawa anda INGIN DIWAKILI PEGUAM ○ Jika anda diwakili peguam, anda tidak perlu bercakap kerana peguam yang akan bercakap bagi pihak anda di hadapan Majistret ○ Anda hanya perlu beritahu peguam yang mewakili anda sekiranya anda sakit, didera, diugut atau tidak diberikan makanan/air/pakaian secukupnya semasa dalam tahanan. Buat laporan polis dengan segera jika berlaku keadaan sedemikian ○ Beritahu juga kepada peguam sama ada polis telah menjalankan penyiasatan semasa anda dalam tahanan
8. Apakah yang perlu dibuat apabila polis ingin MERAKAM KENYATAAN BERTULIS semasa dalam tahanan?	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kenalpasti NAMA DAN PANGKAT PEGAWAI YANG MENYOAL SIASAT anda ○ Berikan nama penuh, umur, alamat dan pekerjaan (butir-butir peribadi) jika diminta ○ Selain memberikan butir-butir peribadi, anda dinasihatkan UNTUK BERDIAM DIRI dari menjawab soalan dari pegawai polis ○ Jika anda memilih untuk berdiam diri, katakan "SAYA AKAN JAWAB DI MAHKAMAH" terhadap sebarang soalan yang dikemukakan kepada anda dan POLIS TIDAK BOLEH MEMAKSA, MENGUGUT ATAU MEMUKUL anda jika anda enggan menjawab soalan
9. Bilakah anda DIDAKWA di mahkamah?	<ul style="list-style-type: none"> ○ Anda boleh didakwa di mahkamah pada atau sebelum tempoh reman yang diberikan terhadap anda tamat ○ Anda didakwa jika pertuduhan dibacakan terhadap anda di hadapan seorang Majistret/Hakim dan anda ditanya sama ada mengaku bersalah atau minta dibicarakan ○ Pastikan anda MENGAKU TIDAK BERSALAH dan Peguam 'Bersih 2.0' akan mewakili anda sehingga perbicaraan selesai

Disediakan oleh : *Unit Tindakan Undang-Undang Jenayah, Jabatan Undang-Undang & Hak Asasi Manusia (JUHAM), Dewan Pemuda PAS Malaysia*
Dengan kerjasama : *Lajnah Undang-Undang & Hak Asasi Manusia PAS Pusat*

TALIAN HOTLINE BILIK GERAKAN JUHAM DEWAN PEMUDA PAS MALAYSIA

[1] 016-3126463

[3] 016-3126473

[2] 014-6451753

[4] 012-3928379